

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



MAMASAB – Inspirasi Kejayaan Usahawan Wanita Muslim

Anugerah yang dikecapi Sumber: Mamasab: Bermula Dari Ceruk Dapur, Bekas Radiographer Capai RM100 Juta (richworks.com)



Bangga dengan produk premium keluarannya yang membantu ramai usahawan baru menjadi jutawan Sumber: Masyuk! Lepas Lahirkan Ramai Jutawan PKP, Kini Mamasab Meniaga Produk Kosmetik Pula – Norzalina (2020)

Faizan Abd Jabar¹, Dr Rosmah Nizam¹, Mawarti Ashik Shamsudin¹, Azeman Abd Majid¹, Suhanom Mohd Zaki¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PAHANG CAWANGAN JENGAH
Koresponden: faizan@uitm.edu.my

Siapa Mamasab?

Siapa yang tidak kenal empayar perniagaan Mamasab Bakery milik Sabrina Soobri? Beliau mencipta nama setelah berjaya melebarkan empayar Mamasab Bakery ke tahap yang membanggakan. Syarikat persendirian milikan tunggal ini berjaya melakukan transformasi mendadak dalam tempoh lima tahun kepada Mamasab International Sdn Bhd. Sabrina Soobri adalah bekas seorang radiographer di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan menggemari kek dan biskut serta berjinak-jinak menjadi “home-baker” dan menjalankan perniagaan dari kediamannya sahaja. Berasal dari keluarga B40 dan berazam melalui hobi dan ketekunannya, Sabrina berjaya melebarkan sayap perniagaan dan membina produknya iaitu kek dan biskut berkualiti premium, kambing perap dan kosmetik, yang kini sebaris dengan jenama popular yang lain. Kejayaan ini dibuktikan melalui rangkaian outlet Mamasab yang dibuka di serata negeri dan lahirnya beribu usahawan dan ejen jualan dalam talian daripada pelbagai lapisan umur dan masyarakat. Malah, ada di kalangan usahawan rangkaian perniagaannya yang bergelar jutawan.

Perjuangan dalam Perniagaan

Kronologi perjalanan perniagaan Mamasab bermula dari tempahan durian crepe di kalangan kenalan rapat, seterusnya brownies hinggalah ke pelbagai jenis manisan. Kini, Mamasab mempunyai beberapa cawangan dan ejen jualan sehingga ia berkembang menjadi sebuah empayar perniagaan yang terkenal di Malaysia khususnya bagi kategori *desserts*.

Sistem perniagaan yang dijalankan oleh beliau adalah berorientasikan stokis atau dikenali sebagai mini founder yang berperanan menguruskan setiap cawangannya. Setiap stokis ini bertanggungjawab melatih ejen-ejen sedia ada dan membuat pencarian ejen baru agar sasaran jualan dapat dicapai dan seterusnya menjadi stokis. Ini adalah kunci kejayaan beliau membina empayar dengan masa yang singkat. Di Mamasab pihak stokis akan melatih ejen mereka yang dikenali sebagai Mamasab Warrior dengan membina satu pasukan yang kuat dan saling bekerjasama. Oleh sebab itu, Sabrina sangat teliti dalam pemilihan ejen dan stokisnya khususnya dalam aspek karakter dan personaliti.

Mamasab juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran onak dan duri dalam perniagaan. Kritikan yang sering diterima seperti kek dan biskut yang tidak sedap didepaninya seperti ‘alah bisa tegal biasa’. Beliau bangkit memperkasakan kekuatan dalaman dirinya dan mengambil kritikan tersebut dari sudut positif.

Pencapaian dan Kejayaan

Sabrina berhasrat mengembangkan perniagaannya ke peringkat global. Justeru, pada tahun 2019 beliau menukarkan nama Sabrina Bakery Sdn. Bhd. kepada Mamasab International Sdn. Bhd. Lonjakan perniagaan yang sangat drastik bermula selepas cawangan outlet pertama di Sri Manja, Petaling Jaya ditubuhkan pada tahun 2017 dan sehingga kini, dalam tempoh lima tahun, Mamasab International Sdn Bhd telah mempunyai 4 buah kilang dan 19 cawangan serta hampir 100 ribu ejen Mamasab Warrior di seluruh Malaysia. Jualan pada tahun 2020 mencecah RM102 juta berbanding RM15 juta pada tahun 2019. Permintaan produk melorjak tinggi sehingga mencapai rekod jualan sehari mencecah ribuan biji kek dan biskut. Pencapaian anugerah yang telah berjaya dirangkul oleh beliau adalah NONA Best Growing F&B Business Award pada tahun 2018 dan Best Networking Business Award pada tahun 2020. Dengan pencapaian yang membanggakan ini, Mamasab International Sdn. Bhd berani mengorak satu lagi cabang pelaburan baru iaitu bidang kosmetik atas usahasama dengan Neelofa Cosmetics. Beliau mensasarkan Mamasab International akan tersenarai dalam Pasaran Bursa Malaysia pada 2025 dan akan mempunyai 100 cawangan seluruh Malaysia.

Ikhtisar dari kisah empayar Mamasab ini memberi inspirasi bahawa dengan kegigihan dan kesabaran, wanita juga mampu mencapai kejayaan besar yang mana segelintir masyarakat masih taboo dengan isu wanita dan kejayaan. Membina perniagaan yang kukuh bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia menuntut ketabahan, kesabaran, daya kreativiti dan inovasi yang tinggi serta keberanian dalam menghadapi pelbagai risiko yang mendatang. Kehadiran Mamasab dalam pasaran makanan memberi pelbagai pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan produk makanan yang selamat dan pastinya halal. Mamasab mampu menjadi usahawan muslim contoh yang bukan sahaja terbukti menjana keuntungan perniagaan yang tinggi malah membangunkan masyarakat melalui sistem perniagaan mesra usahawan.

Rujukan

- [1] Hanafi, K. (2021) Sabrina Wanita Di Sebalik Kejayaan Kek Mamasab, capaian pada 4 April 2022 di <https://www.kosmo.com.my/2021/02/12/sabrina-wanita-di-sebalik-kejayaan-kek-mamasab/>
- [2] Richwork International Sdn Bhd. (2022). Mamasab : Bermula Dari Ceruk Dapur, Bekas Radiographer Capai RM100 Juta. Richworks.com capaian pada 4 April 2022 di <https://richworks.com/success-stories/mamasab-bermula-dari-ceruk-dapur-capai-rm100-juta/>
- [3] Papaman Legacy Sdn Bhd. (2022). Latar belakang Mamasab Bakery. Mamasab Bakery.com capaian pada 2 April 2022 di <https://www.mamasabbakery.com/about-us>
- [4] Norzalina. (2020). Masyuk! Lepas Lahirkan Ramai Jutawan PKP, Kini Mamasab Meniaga Produk Kosmetik Pula. Nona.my capaian pada 2 April 2022 di <https://www.nona.my/masyuk-lepas-lahirkan-ramai-jutawan-pkp-kini-mamasab-meniaga-produk-kosmetik-pula/>